

Hubungan antara kesantunan berbahasa dengan perlakuan tidak bermoral orang Melayu-Islam

ABSTRAK

Penyelidikan ini dijalankan untuk meneliti dan menganalisis pandangan sebilangan anggota masyarakat Melayu darpaada segi hubungan antara kesantunan berbahasa dengan amalan yang negatif dalam kalangan masyarakat Melayu yang beragama Islam. Penyelidikan yang menggunakan pendekatan kualitatif ini memilih sebanyak 30 orang informan dan telah memberikan maklumat untuk menghuraikan objektif kajian. Penyelidikan ini mendapatkan bahawa pandangan sebilangan anggota masyarakat terhadap fenomena kesantunan berbahasa pada zaman dahulu dan kini sudah berbeza sama sekali. Pada zaman dahulu, masyarakat yang mengamalkan kesantunan berbahasa dengan sendirinya terpelihara dengan sifat-sifat yang terpuji dan menjauhi perkara-perkara yang terlarang. Kini, pada pandangan sebilangan anggota masyarakat Melayu mengatakan bahawa ada manusia yang menggunakan bahasa yang santun dan berbudi pekerti semata-mata untuk mencapai hasrat dan niat untuk menipu dan pelbagai lagi perlakuan yang tidak bermoral. Desakan untuk hidup dalam dunia yang semakin mencabar, kedaan persekitaran dan keruntuhan nilai pekerti diri mendorong manusia menipu atas dasar untuk memenuhi naluri tarikan kepada kebendaan dan kesenangan secara mudah dan cepat dengan menjadikan bahasa itu sebagai wahana untuk mencapai hasrat tersebut tanpa menghiraukan lagi tentang agama Islam dan adat ketimuran masyarakat Melayu. Banyak saranan yang diberikan untuk mengatasi masalah ini seperti pendidikan kini haruslah terarah kepada ilmu bukan mengutamakan kemahiran semata-mata, menanamkan konsep nilai dan jati diri serta penerapan agama yang mendalam.

Keyword: Language politeness; Strategy; Moral behaviour; Ethical values; Social imposters